

Wawancara Bersama Fathi Aris Omar

Intelektualisme Melayu, Pertarungan Wacana Agama, dan Budaya Politik Malaysia

*Pada 13-15 April 2007, para anggota The Reading Group telah mengadakan suatu pertemuan informal dengan para aktivis Komuniti Seni Jalan Telawi (KsJT). Kumpulan ini dipelopori dan dibimbing, antaranya, oleh **Fathi Aris Omar**, seorang pemikir Malaysia yang progresif dan kritis membincangkan isu-isu agama, budaya dan perkembangan politik di Malaysia. Beliau adalah antara penggerak awal akhbar Malaysiakini.com (1999-2001) dan menerima anugerah kebebasan akhbar oleh Reporters sans Frontiers (RSF), Paris pada tahun 2000, atas sumbangan beliau dalam mengkedepankan kebebasan media dan masyarakat sivil di ruang publik.*

*Pada tahun 2004, beliau telah menjadi zamil Intelektual Awam Asia (API) di Jakarta, atas dana Nippon Foundation, Tokyo. Beliau kini bertugas sebagai ketua wartawan (Chief reporter) akhbar mStar Online dan menjadi salah seorang pembimbing anak-anak muda progresif yang berkumpul di kelompok jaringan Komuniti Seni Jalan Telawi (KsJT). Beliau pernah mendirikan Kumpulan Aktivis Media Independen (Kami), sebuah NGO untuk kempen kebebasan akhbar. Sebahagian daripada tulisan-tulisan kritisnya telah diterbitkan di dalam bukunya yang berjudul **Patah Balek: Catatan Terpenting Reformasi** (2005).*

*Berikut adalah sedutan wawancara spontan bersama beliau, yang diadakan di sebuah kafe di Jalan Telawi, Bangsar Baru, Kuala Lumpur pada **15 April 2007**.*

WAWANCARA

Bersama Fathi Aris Omar

Aktivis, Komuniti Seni Jalan Telawi (KsJT)

Anda pernah menulis mengenai 'intelektual Melayu malas'. Boleh terangkan dengan lebih lanjut mengenai konsep ini?

Fathi: Ada beberapa perkembangan yang saya lihat yang membimbangkan saya. Pertamanya, dalam tempoh 15 hingga 20 tahun terakhir ini, para ahli akademik – sebagai simbol paling mudah dan ringkas untuk kita asosiasikan sumbangan intelektualnya – kelihatan tidak memberi banyak sumbangan untuk publik, khususnya di dalam isu-isu penting dan fundamental kepada negara (Malaysia) ini. Mereka mungkin ada menulis kertas-kertas kerja atau artikel untuk jurnal, tetapi ini tidak memadai untuk kegunaan orang awam, contohnya di suratkhbar dan majalah-majalah.

Satu ukurannya, sewaktu krisis politik era reformasi 1998-2000, ketika rakyat Malaysia rancak mempertikaikan kerajaan, tidak muncul perbincangan mendalam dan bernas daripada kaum intelektual – sama ada ahli akademik, wartawan, budayawan atau aktivis politik. Isu-isu politik memang banyak dan memang panas tetapi kualiti perbincangannya tawar, cetek dan hambar sahaja.

Yang kedua, susulan daripadanya, jika ada sumbangan dari jurnal yang kita baca ataupun dalam seminar yang kita hadiri, kualiti pembentangan ahli akademik Malaysia tidak begitu memberangsangkan. Ini (kualiti ide) kita bandingkan bukan hanya dalam negara, tetapi dengan dunia akademia umumnya (antarabangsa).

Di kalangan aktivis pula, mereka juga tidak memberikan sumbangan intelektual yang mendalam; khususnya di dalam bentuk tulisan yang membahaskan persoalan-persoalan fundamental yang kita hadapi hari ini. Mereka mungkin menyentuh isu-isu semasa tetapi belum sampai ke peringkat perbincangan intelektual yang sesuai dan selayaknya bagi seorang intelektual. Mereka juga tidak menulis di blog-blog dan media-media alternatif. Mungkin ada beberapa orang yang rancak menulis tetapi kualitinya kurang memuaskan.

Inilah yang saya sebutkan sebagai sindrom 'intelektual Melayu malas'. Jadi, ada dua hal di sini: Pertama, malas itu ditujukan kepada mereka kerana tidak adanya *production of ideas*; dan yang keduanya, kerana tidak ada peningkatan kualiti. Maka, perbincangan isu-isu semasa menjadi dangkal dan tidak boleh kita jadikan panduan untuk reformasi bangsa

dalam tempoh yang panjang, dan panduan intelektual untuk generasi muda Malaysia.

Misalnya, kita lihat karya Syed Hussein Alatas dan adiknya Syed Naguib Al-Attas: pemikiran dan renungan mereka begitu mendalam dan masih boleh dirujuk dan digali sampai kini. Tetapi, ini tidak berlaku di kalangan intelektual umumnya.

Ada banyak faktor mengapa ini terjadi, tetapi saya rasa, pada hakikatnya dan secara umumnya, mereka itu bukan sahaja malas tetapi boleh juga kita kategorikan sebagai “intelektual tidak berguna” (mengikut takrif Syed Hussein Alatas). Ini kerana ide-ide mereka, kalau dilontarkan dalam masyarakat, tidak akan mendatangkan manfaat pada kita.

...Maksudnya, anda lihat ada korelasi antara ketidakbergunaan atau kemalasan berfikir ini dengan pembangunan Malaysia pada waktu ini?

Fathi: Ya, di satu sisi, kita ada pembangunan fizikal dan infrastruktur. Pada pendapat saya, soal kemalasan berfikir itu bukanlah masalah pembangunan fizikal. Ia disebabkan kekangan politik. Dan yang keduanya, kekangan sosial – misalnya, terhadap orang yang berbeza pandangan, seperti orang yang beraliran kiri, orang yang menganut aliran Islam yang berbeza daripada *mainstream* (arus perdana), ataupun orang yang kritis pada pemerintah.

Maksud saya, kemalasan dan kelemahan intelektual ini bukan sahaja faktor politik dan tekanan kerajaan; tetapi juga akibat tekanan-tekanan nilai buruk dalam masyarakat serta kemalasan kaum intelektual itu sendiri. Jadi, bagi saya, pembangunan fizikal dan infrastruktur bukanlah faktor utama yang menghalang kerancangan berfikir cendekiawan Malaysia.

Suara-suara yang berbeza daripada kumpulan dominan, sama ada pemerintah atau bukan, hampir-hampir tidak ada atau tersisih. Kalau mereka ingin bersuara, mereka akan melarikan diri ke barisan pembangkang, yang kualiti perbincangan ilmiahnya tentang isu-isu semasa masih boleh kita pertikaikan. Berbagai-bagai ilmu dan teori yang telah diterokai serata dunia hari ini, namun di Malaysia mereka ini seolah-olah tidak tersentuh dengan perkembangan sejagat ini.

Misalnya, konsep ‘*public sphere*’ oleh Jurgen Habermas dalam konteks kebebasan media dan peranan masyarakat sivil, demokrasi dan hak asasi (tema-tema yang selalu dibangkitkan oleh parti pembangkang dan NGO). Ia tidak dibincangkan secara terbuka di depan masyarakat kerana kononnya mereka tidak faham. Banyak lagi pemikiran, misalnya ide-ide

Pierre Bordieu, Michel Foucault dan segala macam lagi. Ini semua tidak dibincangkan. Itu yang saya maksudkan dengan situasi kelembapan intelektual di Malaysia.

Saya juga merasa bahawa mustahil orang tidak membaca kerana buku-buku para pemikir ini boleh didapatkan di kedai-kedai buku di Malaysia. Soalnya, kenapa orang tidak membahaskan persoalan-persoalan mereka berdasarkan teori-teori tersebut yang saya rasa boleh dimanfaatkan – iaitu melihat dunia dari perkembangan teori-teori itu?

Jadi, saya rasa kekangan itulah yang menjadikan *production of ideas* itu tidak *fertile* (subur) di sini.

Dan satu lagi tentangannya ialah sikap anti-ilmu, anti-intelektual. Sikap ini sangat tebal di kalangan aktivis Islam, aktivis kampus dan juga aktivis NGO (khususnya Melayu). Kita dapat lihat sikap ini di forum-forum web dan juga komentar-komentar di blog. Sikap ini mengandaikan bahawa meminjam istilah-istilah daripada buku ketika kita membahaskan sesuatu isu semasa itu secara ilmiah dan mendalam, adalah suatu kecenderungan mereka yang “berpura-pura sahaja”, mereka yang “berlagak pandai” atau “khayal dalam berteori”. Sikap ini sama seperti sesetengah orang dalam masyarakat Melayu yang beranggapan bahawa mereka yang berbahasa Inggeris sebenarnya berlagak – walaupun sebenarnya kita berbahasa Inggeris kerana mahu memajukan penguasaan bahasa Inggeris kita...

Berbalik kepada isu ‘political culture’ (budaya politik) ini, anda pernah mengusulkan supaya diwujudkan ruang berdiskusi secara publik di dalam masyarakat. Namun, bagi pemerintahan yang bersifat ‘authoritarian’, mereka akan mengatakan bahawa kalau kita ingin membahaskan sesuatu – terutamanya isu-isu politik – harus ‘masuk ke dalam kandang’ atau ‘turun padang’; maksudnya, menjadi anggota parti pembangkang, sebagai contoh. Apa pendapat anda mengenai pendapat sebegini?

Fathi: Ya, ini terjadi di Malaysia ini, seperti di era pemerintahan Dr. Mahathir Mohamed. Sepanjang yang kita lihat, kalau seseorang itu ahli akademik, wartawan ataupun seniman, dan jika dia bersikap kritis pada pemerintah, dia akan sering dipaksa untuk menyertai parti politik. Tetapi kita tahu: kalau anda masuk parti politik, anda tidak akan dilihat secara jujur kerana kepentingan parti politik itu umumnya, ialah untuk menang kerusi pilihanraya. Dalam erti kata lain, kecenderungannya bukan kecenderungan kejujuran ide dan perbahasan.

Yang kita inginkan di sini ialah kejujuran intelektual – iaitu anda menganalisa situasi Malaysia dan mengkritik pemerintah bukan untuk

kepentingan anda tetapi kerana ada yang anda lihat sebagai perkembangan yang tidak produktif untuk masa depan Malaysia.

Jadi, teguran sebegini boleh sahaja disampaikan oleh orang-orang biasa seperti wartawan, budayawan, seniman, birokrat dan ahli akademik. Mereka ini tidak ada tujuan untuk menjadi wakil rakyat, misalnya, atau untuk menang kerusi parlimen mana-mana pihak. Sebaliknya, yang mereka hendak 'menang'kan ialah ide mereka; itupun kalau masyarakat dan pemerintah menerimanya. Jadi, itu suatu kecenderungan yang disebut sebagai *civil engagement* di dalam masyarakat sivil. Ini suatu konsep yang tidak difahami dan barangkali bersesuaian dengan latar politik Malaysia, iaitu kita tidak ada *civil society* yang *vibrant*.

Tapi ini tidak bererti semua masyarakat Malaysia sebegini. Kalau kita lihat, misalnya, perbandingan masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina, kita lihat bahawa *civil society* di dalam masyarakat Cina di Malaysia ini lebih *vibrant* daripada masyarakat Melayu...

Kalau di kalangan anak-anak muda di Malaysia bagaimana? Sebagai salah satu pengasas Komuniti Seni Jalan Telawi (KsJT), bagaimana anda membibitkan daya pemikiran kritis di samping menyemarakkan perbincangan di kalangan anak-anak muda?

Fathi: Saya rasa, kita tidak mungkin berjaya menarik semua anak muda. Ini (KsJT) ialah suatu eksperimen yang kita buat sejak bertahun-tahun. Selalunya kejayaan kita itu di dalam lingkungan 10 peratus; Contohnya, kalau kita berjaya mengumpulkan 500 orang, kita mungkin berjaya menarik perhatian 50 orang sahaja. Mereka inilah orang yang serius memikirkan persoalan yang sama.

Mahu atau tidak, dan sedikit sebanyak, untuk menarik perhatian masyarakat yang tidak begitu kritis dan tidak begitu mempedulikan hal-hal bersifat politik atau topik-topik serius dan fundamental, kita harus provokatif. Dan formula provokatif ini, nampaknya, sesuai dengan sifat sebahagian Melayu yang barangkali cenderung 'hangat-hangat tahi ayam' ataupun gemarkan sensasi. Bagi mereka ini, daya tariknya ialah pada *spectacle* – iaitu *spectacle of ideas*.

Sebenarnya ini (cara provokatif) tidak selalu berjaya juga. Dan jika kita lihat secara jangka panjang, mungkin juga menjadi suatu masalah. Tetapi mahu atau tidak, strategi ini harus dipakai di dalam masyarakat yang dianggap *apathetic* atau *complacent*.

Keduanya, saya dan teman-teman sering mengadakan tempat berkumpul – di Bangsar Utama ataupun di sini (Bangsar Baru). Ini kerana anak-anak muda di Malaysia ini – iaitu mereka yang *genuine* (tulus) mencari jawapan kepada beberapa persoalan – cenderungnya tidak sistematik; iaitu, usaha mencari jawapannya itu bersifat *unplanned* (tidak dirancang). Maksudnya, mereka akan datang kalau kita sentiasa berdiskusi di suatu tempat, pada jam berapa pun dan hari apa pun yang mereka senangi; tanpa jadual dan tanpa perancangan spesifik. Ini berbeza kalau kita membuat sesuatu yang *planned* (terancang), misalnya forum dan seminar. Yang datang ke situ kebanyakannya mereka yang sama ada sudah berfikir ataupun orang yang berpura-pura berfikir – seperti aktivis NGO dan ahli politik yang tidak serius tetapi datang kerana diundang.

Ini menjadi perhatian saya sehingga akhirnya, yang saya usulkan bukanlah forum, seminar atau bengkel latihan, kerana itu tujuan kedua, ketiga atau keempat. Tujuan yang pertamanya ialah kita mesti membiasakan diri menulis dan duduk berdiskusi bermacam-macam hal. Dan kerana ramai cenderung pada isu-isu politik, agama dan hiburan, kita membahaskan tiga elemen ini – iaitu, mengkritik wacananya dan produk-produk pemikiran yang dihasilkan. Kaedah ini berjaya menarik perhatian orang, khususnya generasi muda Melayu.

...Tetapi di antara kelompok yang bersifat anti-intelektual ini, ada yang berpendapat bahawa duduk bersembang di kedai-kedai kopi itu tidak menghasilkan apa-apa. Langsung, kelompok ini mengadvokasikan masuk ke lapangan NGO dan terus beraksi...

Fathi: Betul, itu memang *debate*-nya di dunia kami. Saya sendiri, dan begitu juga beberapa teman yang lain, bukanlah orang yang tidak percaya pada aksi. Barangkali aksi yang kita pertikaikan atau yang kita sering tidak persetujui ialah aksi yang diterjemahkan dalam bentuk yang bersifat konfrontasi *hostile* secara *direct* dengan *powers that be*. Misalnya, berdemonstrasi membela *squatters* (penduduk setinggan). Bagi kami, adalah tidak adil mendedahkan anak-anak muda dari kampus, misalnya, pada risiko politik yang begitu besar. Kita harus juga memikirkan *continuity* atau kesinambungan. Kita hendak memberi pemahaman politik, kebudayaan dan intelektualisme kepada mereka. Secara peribadi, saya sendiri, bersama teman-teman senior, sering ke depan dan berdemonstrasi atau menghantar memorandum. Tetapi, kita harus juga melindungi tenaga-tenaga muda kita.

Sebenarnya, kebimbangan saya juga begini: Setiap kali seseorang itu menukar diri menjadi berani dan menjadi aktivis yang bersemuka secara *hostile* kepada *powers that be*, dia akan hilang daya intelektualnya. Dalam

masyarakat kita, khususnya mereka yang terlibat di dalam *production of ideas* seperti wartawan, artis, cendekiawan dan sebagainya, *concern* (keprihatinan) kita yang paling utama ialah membahaskan soalan-soalan pokok, termasuk soalan aktivisme itu sendiri. Misalnya, kita persoalkan sejauh mana efektifnya pembangkang atau kegiatan NGO di Malaysia. Jadi, kita mahukan unsur *reflective* (muhasabah) – yang bukan hanya setakat keluar untuk *challenge the state and the powers that be*, tetapi juga to *reflect on our own failures and weaknesses*.

Jadi, kalau anda lihat buku saya umpamanya (*Patah Balek: Catatan Terpenting Reformasi*), banyak yang bersifat begitu. Saya berfikir begini: Apabila kita mencabar pemerintah, kenapa cabaran ataupun *the challenge against the state* itu tidak begitu berjaya atau efektif? Saya percaya, salah satu sebabnya ialah NGO, aktivisme dan pihak pembangkang itu sendiri tidak efektif. Jadi, sesiapa pun yang kita anggap sebagai *public figure* ataupun menjalankan *public role* itu, kita harus nilai secara adil – sama ada di kelompok pemerintah ataupun bukan pemerintah. Kita lihat dalam konteksnya kerana dalam kesedaran kita, setiap orang boleh menyumbang pada pembangunan Malaysia dari segi kebudayaan, pemikiran dan apa sahaja.

Dan saya percaya sektor yang kritis ini sebenarnya ada di mana-mana. Cuma ia tidak seharusnya diterjemahkan dalam partisan politik. Jadi, kita tidak boleh menganggap orang yang tidak terlibat dengan NGO dan parti politik itu orang yang tidak kritis pada kerajaan. Ini kerana kita tahu bahawa sekiranya mereka berdepan dengan kita di warung secara berdiskusi, mereka ini boleh berterus terang.

Tapi untuk menzahirkan penentangan secara terbuka kepada pemerintah, iaitu kepada *ruling class*, tidak semua pihak bersedia. Jadi, saya tidak mendorong orang ke jalan politik yang sempit, misalnya mengambil sikap penentangan fizikal di dalam isu-isu politik yang panas sehingga menyebabkan risiko politik yang besar pada anak-anak muda tanpa mereka memahami (analisa politik dan kebudayaan).

Berganjak kepada persoalan Islam di Malaysia ini. Sekarang ini, ada semacam gelombang konservatisme terutama kelompok yang ingin melawan apa yang dilabelkan oleh mereka sebagai 'Islam Liberal'. Apa sebenarnya yang sedang berlaku di Malaysia ini?

Fathi: Sebelum ini, Islam di Malaysia sudah pun cenderung pada aliran-aliran yang disebut tradisionalisme, fundamentalisme ataupun konservatisme.

Tetapi, perkara yang memprihatinkan kita di dalam beberapa tempoh yang terakhir ini ialah gejala penentangan yang tidak bersifat ilmiah terhadap apa yang mereka labelkan sebagai 'Islam Liberal'. Sebaliknya, penentangannya (terhadap ide-ide Islam Liberal) lebih bersifat politik dan propaganda yang ingin menyesatkan orang (umat Islam), dan yang berkecenderungan untuk mematikan diskusi.

Tanggapan saya begini: Saya tidak menganggap Islam Liberal itu sebagai produk terakhir perjalanan masyarakat Islam, sama ada di dunia pemikiran Islam di Malaysia ataupun umat Islam di dunia seluruhnya. Tetapi, perkembangan ini (Islam Liberal) adalah sebagai satu *assault* (serangan) terhadap konservatisme yang sedia ada di dalam pendekatan-pendekatan terhadap masalah yang belum dapat kita selesaikan. Jadi, saya sebenarnya menunggu *by-product* atau sintesisnya (pertembungan 'Islam Liberal' dengan ide-ide arus perdana Islam). Oleh itu, Islam Liberal ini saya anggap sebagai anti-tesis kepada *mainstream Islam*. Jadi, kita harapkan adanya reaksi-reaksi yang positif daripada masyarakat Islam untuk merenung kembali persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Misalnya, apakah wajib kita membangunkan negara Islam? Apakah murtad itu termasuk dalam satu kategori hudud? Atau apakah hudud itu wajib dilaksanakan secara literal? Bagi orang Malaysia, persoalan sebegini fundamental, khususnya kerana ada gerakan yang dinamakan sebagai 'Islam politik' (Political Islam).

Jadi, kritik-kritik ini (Islam Liberal) harus dibenarkan berkembang. Saya rasa adalah suatu kesilapan kalau kita menganut Islam Liberal secara membuta tuli sehingga melahirkan suatu mazhab atau *school of thought*. Sebaliknya, saya berharap kita akan dapat membina suatu wacana yang produktif.

Tetapi, di dalam beberapa tahun ini, yang mengecewakan ialah sikap anti Islam Liberal itu tidak didukung oleh kesedaran ilmiah yang mendalam. Maksud saya begini: Islam Liberal ini cenderung bersifat pluralis dan *multidisciplinary*. Ia meminjam beberapa wacana kebudayaan dan wacana politik kekiriannya misalnya, untuk melihat tradisi Islam klasikal dan juga pemikiran *mainstream* sekarang. Tetapi reaksi dan respons dari masyarakat Islam yang konservatif itu menampakkan hanya satu jalur; iaitu pandangan-pandangan yang baku, *standard* dan yang sudah *mainstream* dalam masyarakat Sunni.

Oleh itu, mereka tidak meneroka lagi. Kalau seseorang itu menggunakan pemikiran Foucault atau Derrida dalam memahami beberapa persoalan dalam Islam (seperti yang dilakukan oleh Islam Liberal), harapan saya ialah mereka yang menentang pendekatan ini agar memahami Foucault dan Derrida itu sendiri sebagai bahan untuk mereka mengusulkan *counter-discourse* (terhadap Islam Liberal).

Itu yang saya maksudkan proses sintesis yang akan berlaku – iaitu percubaan kita untuk sentiasa terbuka kepada ilmu-ilmu pengetahuan baru, alat-alat bantu baru untuk berwacana dan memahami masyarakat.

Tapi sayangnya, perkara ini tidak berlaku. Malah, sikap anti-intelektualisme itu menafikan dan menolak terus pandangan-pandangan baru, seperti yang dibawakan oleh Habermas, Pierre Bordieu dan pandangan-pandangan feminis, *Sisters in Islam*, umpamanya. Teori-teori baru ini bukan pandangan-pandangan Islam klasikal tetapi pandangan-pandangan yang kita pinjam dari pengetahuan manusia sezaman, iaitu kontemporari, khususnya abad ke-20 ini.

Jadi inilah yang menjadikan masalah itu lebih sulit kerana bagaimana pun serangan itu dihadapkan kepada *mainstream Islam*, mereka nampaknya tidak bercambah. Misalnya, pandangan Mohamad Arkoun; malah Seyyed Hossein Nasr, khususnya dalam bukunya *Traditional Islam in the Modern World*. Kelompok konservatif tidak menjawab sebahagian hujah-hujahnya. Kita tahu Nasr mendapat sambutan di kalangan mereka (kumpulan Islam fundamentalis) di Singapura dan Malaysia. Tetapi kritik Nasr terhadap fundamentalisme di dalam buku tersebut tidak dibahaskan orang. Sebaliknya, kritiknya terhadap sains Barat, kemodenan dan pembangunan Barat di dalam buku yang sama, dibaca dan digemari mereka (aktivis gerakan Islam). Jadi, pembacaan mereka nampaknya *selective*, iaitu, mereka memilih bahan-bahan yang cenderung ke arah pengukuhan pendapat mereka yang sedia ada – bukan ke arah menganalisa dan merombak masalah dan persoalan kita; iaitu, meminjam beberapa sumber luar untuk membedah dan mendiagnosis masyarakat kita.

...Tetapi ini yang menjadi modal kelompok konservatif. Oleh kerana kita meminjam paradigma atau pendekatan dari pemikir-pemikir Barat ini, langsung mereka melabelkan Islam Liberal ini sebagai pembawa suatu agenda Barat dan makanya tidak 'authentic' dalam tradisi kelslaman yang mereka kenali.

Fathi: Saya rasa tuduhan semacam itu adalah tuduhan yang liar dan keterlaluan. Betul, itu suatu wacana luar, tidak kira sama ada dari Timur atau Barat. Tetapi, kita tidak seharusnya salah faham bahawa apa yang dikatakan sebagai keilmuan Barat itu membawa agenda politik atau ekonomi Barat. Tetapi, kita juga tidak menafikan bahawa kadang-kadang pergelutan teori itu ada unsur-unsur politik dan ekonomi; misalnya di dalam penciptaan teknologi yang dibiayai oleh *giant corporations* (syarikat-syarikat perusahaan besar).

Tetapi, pembentukan teori itu di dalam bidang lain, seperti sains kemasyarakatan, sains politik, atau falsafah, tidak ada kena mengena dengan kepentingan ekonomi atau politik Barat mahupun Timur. Pada masa yang sama, kita tidak meminjam pengetahuan Barat itu di dalam konteks yang kosong; kita pinjam ilmu itu di dalam bentuk pendekatan *multidisciplinary*. Jadi, yang kita pinjam itu ialah disiplinnya dan teori itu berada di dalam rangka disiplin tersebut.

Kalau kita kata semua yang datang dari Barat itu tidak wajar, kita tidak akan bersifat terbuka kepada pengetahuan apa jua pun. Misalnya, apabila kita membaca sastera: Tidak ada teori sastera yang dibentuk di dalam dunia Islam. Teori ekonomi juga tidak berkembang dengan rancak, apatah lagi teori politik. Misalnya, konsep *civil society* – ada atau tidak di dalam masyarakat Islam? Dan konsep *nation-state* – ada atau tidak?

Jadi, kita tahu masyarakat yang dinamik sebenarnya terbuka kepada pemikiran-pemikiran yang baru. Jadi, persoalannya, untuk mengolah beberapa prinsip-prinsip asas Islam itu, boleh atau tidak kita meminjam wacana dari luar? Kalau kita tidak meminjam wacana dari luar untuk membahaskan persoalan dan pemikiran orang Islam, mengapa kita boleh meminjam pengetahuan ini di dalam bidang-bidang yang lain; misalnya, dalam bidang perubatan dan teknologi?

Masalahnya, orang Islam di Malaysia, dan barangkali juga di tempat lain, tidak memahami bahawa apa yang dinamakan pembangunan, kemodenan, serta teori sains dan teknologi, datang dengan sejumlah masalahnya sendiri, yang berkembang sebagai suatu wacana yang tersendiri. Waktu kita meminjam sesuatu teori, kita penuh sedar duduk perkara ini. Contohnya, kita tahu Habermas ini 'New Left' atau aliran kiri baru. Kita juga tahu siapa gurunya. Kita faham Frankfurt School ini datang dari mana dan mengapa ia cenderung kekirian. Dan yang dimaksudkan kiri ini mempunyai latar bermacam-macam. Noam Chomsky, misalnya, juga pemikir kiri.

Waktu kita meminjam wacana Chomsky mengenai bahasa, contohnya, kita sedar perkara ini. Maksudnya, kita menggerakkan dua aktiviti di dalam proses peminjaman. Selain daripada mengaplikasikan sesuatu teori itu, kita juga menilai kritik akan kelemahan teori aslinya. Perkara ini sudah pun terjadi di dunia Barat itu sendiri dan perdebatan teori itu menjadi wacana tersendiri. Jadi, kita juga meminjam wacana dan perdebatan itu untuk kita asimilasikan dalam konteks *local* (tempatan), iaitu, untuk alat bantu kita melihat masyarakat.

Misalnya, dalam proses asimilasi ilmu itu, kita ketengahkan dan bincangkan konsep *nation-state* dan *equal citizenship*. Kalau kita setakat mengambil konsep yang klasikal dalam Islam – konsep *dhimmi*,

contohnya – ini bertentangan dengan konsep *equal citizenship*. Jadi, bagaimana dapat kita selesaikan konflik ini?

Kalau kita kata Islam itu sama rata atau adil, tetapi pada masa yang sama ada konsep *dhimmi*, bukankah ini tidak adil? Apatah lagi, ianya tidak *compatible* (serasi) dengan konsep *equal citizenship*.

Namun, kita tidak mengatakan bahawa semuanya (ide Islam klasik) harus tunduk pada realiti hari ini, sama ada buruk atau yang tidak adil sekalipun, tetapi persoalannya ialah bagaimana kita menjelaskan keadilan Islam di situ? Dan bagaimana kita menjelaskan keuniversalan Islam, misalnya?

Kelompok yang menentang pemikiran-pemikiran seperti anda bukan hanya datang dari kelompok tradisional yang merasa pemikiran sudah mapan itu tergugat, tetapi juga dari kelompok profesional yang tidak mempunyai pemahaman tradisi Islam yang mendalam. Kelompok profesional ini mengkedepankan diri seolah-olah merekalah ‘defenders of the religion’ yang sebenar-benarnya. Salah satu contoh di Malaysia ialah Muslim Professionals’ Forum (MPF). Mengapakah kelompok ini begitu keras menentang gagasan Islam Liberal, walhal mereka sendiri terdidik secara sekular dan mendapat pendidikan Barat?

Fathi: Ada beberapa ahli akademik membuat pengamatan mengenai gejala tersebut di dunia Islam, iaitu (terhadap) kelompok yang digelar ‘profesional’. Misalnya, tulisan ringkas Farida Faouzia Charfi bertajuk “When Galileo Meets Allah” (di jurnal *New Perspectives Quarterly*, vol. 19, no. 1, winter 2002).

Saya kutip pandangan profesor Farida Faouzia:

“The humanities, literature and philosophy allow a global view of problems in time, through the history of ideas, and in space, through the comparative study of different civilizations. As such, these disciplines encourage a certain open-mindedness.

“The exact sciences can, of course, ensure the same open-mindedness-but only if they are correctly taught and if they are not cut off from their theoretical content to the extent of being reduced to mere technique. It has been observed, furthermore, that fundamentalists are even more numerous in the engineering than the science faculties. They are, in other words, more users of the results of science than creators.

“Contrary, then, to what one would expect, a scientific education does not equal modernization of the mind. And Islamists are not well adapted to modernity.”

(Lihat: http://www.digitalnpq.org/archive/2002_winter/charfi.html
atau edisi terjemahan di www.jalantelawi.com)

Selain itu, karya Karen Armstrong, iaitu buku *The Battle for God* juga memberi analisa tentang kenapa muncul gejala fundamentalisme pada masyarakat Islam, Kristian dan Yahudi. Malangnya, buku Armstrong ini (*The Battle for God*) diharamkan, selepas dihasut oleh beberapa puak Islam konservatif, oleh kerajaan Malaysia tahun 2006. Lucu!

Jadi, mereka ini (kelompok profesional yang konservatif dan cenderung kepada fundamentalisme) dikatakan mendapat satu jalur disiplin pengetahuan, iaitu yang bersifat teknikal dan vokasional sahaja. Dan kita tahu bahawa mereka yang dididik secara teknikal atau vokasional ini ‘dry’ atau kegersangan alat-alat bantu untuk melihat masyarakat dengan lebih baik. Jadi, mereka ini seolah-olah melihat masyarakat secara teknikal dan vokasional juga.

Kalau kita terlatih dalam sains sosial seperti sains politik, sosiologi, antropologi, kesusasteraan, seni halus (*fine art*), kajian budaya (*cultural studies*), kajian media (*media studies*) dan sebagainya, kita tidak akan melihat masyarakat seperti itu. Kita melihat masyarakat dengan cara yang lebih fleksibel.

Dan kita tahu bahawa pergolakan di dunia Islam hari ini, yang dipelopori oleh kelompok fundamentalis ini, datang dari kelompok teknikal dan vokasional. Jadi, barangkali inilah masalah kita, selain daripada faktor-faktor lain seperti perubahan atau transformasi masyarakat dari masyarakat petani atau masyarakat desa ke bandar, dari *rural society* kepada *urban society*, yakni masyarakat yang belum terhakis lagi feudalismenya, masyarakat yang demokrasinya tidak terbuka, dan sebagainya.

Tetapi salah satu faktor yang kita nampak secara jelas ialah latar pendidikan. Mereka yang mengambil, misalnya, bidang kejuruteraan dan sains tulen (*pure science*), lebih cenderung bersifat (fundamentalis) sebegitu. Jadi, saya kira orang seperti ini harus kita dekatkan pada bahan-bahan baru.

Cumanya, masalah yang besar ini bukan masalah pendidikan sahaja, tetapi juga masalah indoktrinasi usrah – itu yang lebih membimbangkan saya. Saya sampai pada suatu kesimpulan bahawa menganut Islam

sekarang ini adalah suatu proses pembodohan. Maksudnya begini: Mengapa orang yang dilatih di dunia Barat yang terdapat tradisi kritisnya dan (tradisi kritis itu) begitu *established* di universiti dan kolej mereka, tetapi apabila pulang (ke Malaysia), makanya mereka ini hilang sifat-sifat kritis itu? Jika pun ada, kritis itu hanya terhadap Barat atau terhadap pemerintah tetapi tidak terhadap pengetahuan mereka mengenai Islam itu sendiri.

Dan kecenderungan yang lebih serius di Malaysia ini ialah, sebahagian daripada kelompok Islam ini tidak mendalami tradisi Melayu itu sendiri. Bagi saya pengetahuan (tradisi Melayu) ini ialah akar bagaimana kita memahami masyarakat kita. Kita tidak boleh menjawab persoalan beberapa tahun ke belakang dengan fenomena yang hanya berlaku hanya 30 tahun terakhir. Jadi, ini perkara sebenarnya yang tidak mereka sedari.

Apatah lagi dengan *constraint-constraint* (hambatan-hambatan) yang sedia ada, misalnya, tuntutan kerjaya dan rumahtangga. Nah, itu membataskan lagi pemikiran mereka. Banyak faktor-faktor lain juga. Selain daripada usrah yang begitu, tidak ada pentas-pentas atau *platform-platform* untuk kita mendapatkan sesuatu jawapan pada persoalan yang muncul. Kita tidak ada forum, media, radio atau televisyen yang membahaskan isu-isu secara mendalam. Kita tidak ada jurnal yang bagus.

Jadi, orang seperti ini (yang mencari jawapan pada persoalan-persoalan serius dan fundamental) tidak ada sumber dan tidak tahu di mana dia hendak bergantung. Tetapi, dengan perkembangan internet, selama 10 tahun kebelakang ini, saya harap orang seperti ini mempunyai akses terhadap bahan-bahan yang kini mudah didapati, misalnya, karya-karya klasik yang sudah ada di internet.

Waktu itulah, saya melihat, kelompok yang menentang apa yang disebut sebagai 'Islam Liberal' di Malaysia ini, tidak merujuk pada bahan kelompok yang cuba mereka tentang itu. Misalnya, Muslim Professionals' Forum ini: Saya persoalkan, mengapa mereka ini tidak boleh menjawab persoalan-persoalan secara ilmiah?

Kalau kita lihat perkembangan wacana Islam di Indonesia, ianya begitu maju dan bersemarak. Dan wacana progresif itu sudah bermula sejak tahun 1970-an sehingga sekarang berkembang menjadi sesuatu yang organik – termasuk menjadi apa yang kita sebut sebagai 'Islam Liberal' itu. Mengapakah dari mulanya, wacana progresif yang dibawa oleh Cak Nur (Nurcholish Madjid), contohnya, tidak dapat masuk dan memberi kesan pada wacana Islam di Malaysia ini, termasuk juga di Singapura?

Selain daripada faktor orang kurang membaca dan tidak ada keinginan untuk berdiskusi, adakah faktor-faktor lain?

Fathi: Saya rasa ada faktor lain. Di antaranya ialah pertarungan ideologi atau *ideological competition*. Yang kedua, mereka melihat pandangan-pandangan seperti ini (Islam Liberal), *to some extent*, apologetik terhadap *Western forms of modernity and modernization*.

Pada masa yang sama, mereka belum lagi melihat Islam dalam konteks *multiracialism* dan *multiculturalism*, atau teori-teori *constitutionalism*, *citizenship* dan juga hak asasi manusia.

Mereka sering *assume* (mengandaikan) Islam itu universal, tidak mengira ras atau bangsa. Tetapi yang mereka tidak faham, *divide* (di Malaysia) bukan hanya *along racial lines*, tetapi juga *along religious lines*. Bagaimana kita dapat menyelesaikan hal itu dalam konteks masyarakat yang majmuk atau plural? Ini tidak dibahasakan.

Cak Nur berdepan dengan perkara itu (kemajmukan agama, “Islam pribumi” dan integrasi bangsa Indonesia, dan kerangka NKRI – Negara Kesatuan Republik Indonesia) secara langsung kerana kompleksiti di Indonesia itu jauh lebih tinggi daripada kompleksiti di Malaysia ini. Di satu *level*, misalnya, kita lihat di sana ada orang Jawa Kristen, Jawa Islam dan juga Jawa Kebatinan dan unsur-unsur animisme yang tebal, dan sebagainya... Tetapi di Malaysia, semua Melayu itu Muslim, majoriti Cina itu penganut Buddha dan majoriti India menganut Hinduisme....

...tetapi bukankah kita diberitahu penduduk Muslim di Indonesia itu hampir 90% sementara di Malaysia itu lebih ‘diverse’, iaitu Muslim hanya hampir 60% sahaja...?

Fathi: Ya, tapi itu juga barangkali menjadi penyebab kurangnya *self-confidence* dan *sense of security*. Psikologi ini juga mendatangkan masalah. Tetapi yang saya berasa kecewa ialah sikap kita yang menganggap Islam itu *supreme* dan *superior* daripada lain-lain kepercayaan dan ideologi yang wujud di Malaysia ini.

Dan satu lagi masalah yang mungkin mereka tidak ikhtiraf, ialah masalah *Malay supremacy* atau ketuanan Melayu – sejenis *racism* yang enggan difikirkan. Ada juga sikap yang menganggap *Malay supremacy* itu sama dengan *Muslim supremacy*, walaupun ianya mungkin sangat *subtle* atau

bersifat bawah sedar (*subconscious*). Ada kumpulan Islam yang *endorse* versi Melayu seumpama ini sebagai identiti Islam yang sah di Malaysia.

Jadi, gejala ini sangat membimbangkan, walaupun saya tahu kecenderungan terhadap *Muslim supremacy* itu ialah satu gejala global dan bukan khusus di Malaysia – iaitu sejak tahun 1970-an dengan memuncaknya kebangkitan Islam di serata dunia. Tetapi, kebangkitan Islam yang wujud dalam konteks Malaysia ini bersamaan dengan wujudnya ide *Malay supremacy* itu. Misalnya, sikap mahu mendominasi kaum lain melalui ekonomi (yakni Dasar Ekonomi Baru), kebudayaan (Dasar Kebudayaan Kebangsaan) dan pendidikan, tercermin di dalam desakan supaya lebih banyak institusi-institusi Islam dan Melayu didirikan (di penghujung 1960-an dan awal 1970-an). Desakan dan tekanan ini membawa kesan yang mendalam.

Satu contoh ialah desakan untuk mendirikan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia). Pembinaan UKM telah memberi peluang kepada masyarakat desa Melayu ikut serta dalam proses *urbanization* yang rancak. Ini telah menyebabkan semacam *imbalance* di dalam masyarakat Melayu – iaitu kesan daripada *rapid urbanization*. Bayangkan: masyarakat Melayu – dalam tempoh hanya 20 hingga 30 tahun, dan yang sebahagian besarnya di desa sejak ratusan tahun, apatah lagi di dalam zaman kolonial yang meminggirkan mereka ke kampung-kampung – tiba-tiba, dengan adanya DEB (Dasar Ekonomi Baru), 60 peratus orang Melayu itu akhirnya di bandar.

Jadi, ini menimbulkan satu lagi persoalan: Bagaimanakah transformasi ini mencipta sejenis perasaan *sense of insecurity* orang Melayu, khususnya apabila berdepan dengan *Chinese dominance* di dalam bidang ekonomi, dan juga (Western) *cultural dominance* di peringkat global?

Sedangkan orang Melayu itu tidak mempunyai kuasa lain selain kuasa politik, dan mereka tidak dapat merumuskan model yang lain selain daripada model Barisan Nasional? Keadaan ini menjadi suatu masalah.

Gerakan Islam pula, dengan wacana kebangkitan Islam sebegitu, tidak dapat memecahkan masalah BN (Barisan Nasional)'s *notion of national integration*, iaitu Umno mendominasi *partner*-nya yang lain, seperti MIC (Malaysian Indian Congress), MCA (Malaysian Chinese Assosiation) dan parti-parti kecil di Sarawak.

Di pihak pembangkang pula, mereka bukan hanya melawan pemerintah, tetapi juga, pada masa yang sama, 'membantu' mencorak sistem pemerintahan yang sedia ada. Contohnya, oleh kerana ada desakan Islamisasi oleh parti Islam di luar pemerintah dan juga NGO-nya, Umno berpendapat "*we have to entertain them, otherwise we are losing ground.*"

Jadi, Umno – yang juga mahu kelihatan sebagai simpatetik terhadap Islam, mula mengatakan “*We are more Islamic!*” Ini menebalkan lagi kecenderungan terhadap sifat *Muslim superiority* itu. Wujudlah simbiosis antara *Malay racism* dengan *Islamic fundamentalism*.

Oleh kerana itulah, pada pendapat saya, parti politik pembangkang, sebenarnya adalah sebahagian daripada sistem yang kita cuba kritik itu. Jadi, kita tidak dapat mewujudkan wacana yang *genuine* dan serius mengenai isu-isu fundamental di Malaysia, seperti konsep *citizenship*, *equality*, diskriminasi perkauman, dan sebagainya, tanpa mengambil wacana baru dari luar...

Bagaimana pula dengan konsep Islam Hadhari? Ianya pernah digembar-gemburkan sebagai satu corak Islam yang lebih progresif yang cuba melawan arus Islam yang jumud, statik dan mungkin juga Islam jenis PAS. Adakah anda berpendapat Islam Hadhari boleh berkembang atau dikembangkan menjadi satu wacana yang lebih progresif atau ianya hanya sebagai satu bahan politik untuk Umno terus berkuasa dan mendominasi corak keIslaman di Malaysia?

Fathi: Saya tidak nampak Islam Hadhari akan berkembang. Ini kerana ia tidak mempunyai kekuatan intelektual. Dan ia tidak ada *appeal politic*-nya. Umno sendiri tidak boleh merumuskan persoalan ini.

Islam Hadhari ini sebenarnya berbeza dengan islamisasi yang dibawa oleh Dr Mahathir Mohamad dan Anwar Ibrahim, dengan bantuan Abim (Angkatan Belia Islam Malaysia). Sebahagian besar tenaga Abim dimasukkan secara rasmi ke dalam Umno, atau di dalam birokrat yang membantu di peringkat luar – walaupun kemudiannya, sedikit-sebanyak, agenda mereka *dihijack* oleh kelompok fundamentalis, termasuk di dalam kelompok pembangkang.

Tetapi, Islam Hadhari tidak sebegitu, iaitu tidak ada tenaga intelektual dan tidak ada tenaga aktivisme-nya. Yang ada hanyalah *pure political rhetoric* – yang saya rasa belum juga sampai ke peringkat tengah dan bawah Umno itu sendiri.

Kalau Islam Hadhari itu produk parti Umno, ianya harus menjadi program politik parti itu sendiri. Sebenarnya, orang semua sudah faham Islam itu *compatible* dengan pembangunan; ini tidak menjadi masalah.

Cuma, masalahnya ialah kenapa penekanan Islam Hadhari itu ialah pada pembangunan material sahaja, dan bukannya pembangunan kebudayaan dan intelektualisme? Contohnya, *production of books* dan penterjemahan

karya-karya agung dalam dunia Islam mahupun dunia Barat, tidak berkembang. Apatah lagi ruang kebebasan, termasuk kebebasan intelektual.

(Kelangkaan kebebasan intelektual) itu masih sama seperti di era Dr. Mahathir. Jadi, kita tidak nampak sesuatu yang betul-betul progresif bersama Islam Hadhari.

Dan yang seterusnya, kebimbangan saya ialah, setiap kali label Islam dijadikan program pemerintah, ianya akan di-*subvert* (diresapi) oleh corak Islam yang lain, terutama corak Islam fundamentalis yang dominan sekarang ini.

...Jadi ada semacam 'resistance' di dalam Umno itu sendiri, untuk menerima Islam Hadhari?

Fathi: Ya, *resistance* itu dari dalam Umno itu sendiri. Ini kerana mereka tidak yakin bahawa Islam Hadhari itu sesuatu yang perlu dan mustahak. Mungkin kerana, sebagai contoh, kita tidak berhadapan dengan masalah terorisme yang serius di Malaysia berbanding dengan di Indonesia; walaupun jaringan terorisme itu ada di sini, kita tidak ada ledakan bom. Jadi, kita tidak rasa tercabar dan ianya tidak mewujudkan suatu *sense of urgency* untuk *reform* cara kita memahami Islam.

Mungkin hanya kelompok kita sahaja yang nampak dan lantas melabelkan masalah itu sebagai 'fundamentalisme'.

Umno itu sendiri tidak nampak PAS (Parti Islam seMalaysia) itu fundamentalis – kerana desakan PAS sekadar mengharamkan judi, mengharamkan arak, mewujudkan Negara Islam dan sebagainya. Ide-ide ini pada mereka (Umno), tuntutan Tuhan juga; dan seperti yang mereka percaya, perkara seperti hukum hudud ala-PAS itu memang termaktub di dalam al-Qur'an. Jadi, di dalam Umno itu sendiri, ada yang berkata: "*Actually what PAS had said could be right, and we in Umno could be wrong!*" Ini menjadi masalah kerana anggota Umno itu sendiri *are under assault into agreeing with PAS' sloganeering of Islam*.

Dengan masalah-masalah yang anda bangkitkan, adakah anda masih optimis yang gerakan Islam yang lebih progresif itu dapat berkembang dan membumi di dalam masyarakat Islam di Malaysia?

Fathi: Optimisme saya itu berperingkat-peringkat. Kita bukannya meminta Islam progresif itu menjadi dominan atau menjadi *mainstream*. Yang kita minta hanyalah supaya wacana-wacana Islam yang pelbagai itu dibenarkan dan dibiarkan hidup, bersesuaian dengan pilihan masing-masing. Misalnya, kalau orang menganggap memakai jilbab itu tidak wajib, dengan sejumlah hujahnya, maka biarkanlah dia mengamalkannya. Kecenderungan di Malaysia ini ialah kecenderungan untuk menyeragamkan (*uniform*) sesuatu.

Misalnya, bayangkan kalau anda berjilbab dan bekerja di kafe yang tidak mewajibkan anda memakai tudung: Waktu mahu memakai tudung, anda hujahkan amalan ini sesuai dengan demokrasi dan hak asasi (untuk anda memakai tudung sebagai pilihan anda). Maka kita benarkan kerana kita berdemokrasi. Tetapi, mengapa apabila anda (kelompok Islam) sudah menguasai kafe tersebut dan lihat semuanya memakai tudung, lantas anda mewajibkan pula ianya pada orang yang tidak memakai tudung? Bukankah sepatutnya hujah sama (kebebasan memilih hak berpakaian) patut dipertahankan?

Masalah seperti ini sangat meluas merebak di Malaysia ini. Tahun lalu, ada satu kes di sekolah rendah di Pahang, mengenai seorang guru yang memotong jilbab atau tudung anak-anak muridnya dengan gunting. Alasan guru tersebut ialah kerana jilbab anak muridnya tidak cukup labuh. Bukankah ini satu definisi Islam yang sangat ekstrim dan sempit?

Ada beberapa kes yang serupa. Pernah terjadi, apabila kita mendaftarkan anak kita ke sekolah, guru-guru tertentu – yang fanatik terhadap Islamnya dan *bigotry* sifatnya – akan meminta sijil nikah dan sijil kelahiran untuk buktikan anak itu anak halal dan sah (dari segi Islam). Pada saya, sikap guru ini tidak ada kena mengena dengan pendidikan. Soal anak itu anak siapa, dan jika dia anak angkat saya sekalipun, itu sah saya daftarkan sebagai pelajar sekolah. Jadi unsur-unsur seperti inilah yang harus kita kawal.

Saya umumkan sekali lagi di sini bahawa saya tidak bermasalah dengan fundamentalis agama sebagai gaya hidup, kepercayaan, teologi atau ideologi seseorang. Saya akan mempunyai masalah apabila mereka menggunakan desakan mereka untuk menutup ruang orang lain – apatah lagi sekiranya ruang orang lain itu ruang non-Muslim atau ruang orang Islam yang berbeza pandangan.

Ruang itu sepatutnya dikongsi bersama, sama ada ianya institusi persekolahan, pejabat kerajaan, atau di tempat-tempat awam. Kalau mereka mahu memperlakukan ideologi mereka di dalam kumpulan mereka, pilihan itu terpulang kepada mereka – selagi penghayatan itu

tidak membiakkan unsur terorisme, ekstrimisme dan juga *backwardness* (kemunduran).

Yang menjadikan masalah di sini lebih rumit lagi ialah kerana kelompok dominan seperti itu (Islam fundamentalis), bukan lagi di kalangan kelompok pembangkang, tetapi juga ada di beberapa jabatan-jabatan agama yang sebahagiannya orang-orang Umno itu sendiri, terutama golongan birokratnya...

Sememangnya Islam itu 'diverse' – atau seperti yang disebut di Indonesia, 'Islam itu berwarna-warni'. Jadi, yang menjadi masalah pangkalnya ialah Islam yang dimonolitikkan dan, terutamanya, apabila Islam itu dikuasai oleh kelompok dominan yang mempunyai kepentingan politik. Itu yang menjadi masalah sebenar di Malaysia.

Terima kasih, Saudara Fathi. Semoga ide-ide yang dibincangkan ini akan dikembangkan menjadi suatu wacana yang progresif dan dapat membantu mencorak kehidupan sosial, politik dan agama yang menyumbang pada pembangunan Malaysia masa hadapan.

Fathi: Ya, itulah yang diharapkan. Terima kasih kembali.

[15 April 2007]

© The Reading Group, Singapore